

DATE: 3/6/2008

# Sembur Dr. Mahathir: CCTV tidak disiasat

Oleh AZRAN FITRI RAHIM

**KOTA BHARU** 2 Jun - Mahkamah Majistret di sini hari ini diberitahu bahawa pihak polis tidak menjalankan siasatan ke atas sistem kamera litar tertutup (CCTV) di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra bagi mengesan suspek yang menyembur bahan berbahaya kepada empat lelaki termasuk bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Saksi pendakwa ke-20, Pegawai Penyiasat Kanan, Asisten Supritendan Bahrin Mohd. Nor berkata, beliau turut tidak mengambil keterangan daripada pihak berkuasa lapangan terbang terbabit berhubung CCTV yang terdapat di sekitar kawasan berkenaan.

Beliau berkata, siasatan tersebut tidak dilakukan kerana pihaknya telah mendapat bukti yang mencukupi untuk menuduh suspek berdasarkan pita rakaman yang diperolehnya dan keterangan beberapa saksi.

"Saya juga tidak menjalankan siasatan ke atas beberapa orang yang memegang kamera semasa kejadian itu selepas saya mendapat beberapa bukti dalam siasatan yang dijalankan," ujarnya.

Menurut beliau antara sebabnya ialah beliau telah mendapat pita rakaman video daripada Lans Koperal Romzi Mat Nayan, 36, jurukamera dari Cawangan Khas Bukit Aman di samping keterangan beberapa

**Siasatan tersebut tidak dilakukan kerana pihaknya telah mendapat bukti yang mencukupi untuk menuduh suspek berdasarkan pita rakaman yang diperolehnya dan keterangan beberapa saksi**

saksi yang melihat kejadian itu.

Beliau berkata demikian pada hari ke-16 perbicaraan ke atas ahli perniagaan, Datuk Nik Sapeia Nik Yusof, 53, yang didakwa menyebabkan kecederaan ke atas empat lelaki termasuk Dr. Mahathir secara menyembur bahan berbahaya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini kira-kira pukul 11 pagi, 28 Julai 2006.

Ahli perniagaan itu didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara maksimum tiga tahun, atau denda atau sebat atau dengan mana-mana dua daripada hukuman itu jika sabit kesalahan.

Perbicaraan didengar di hadapan Majistret Azman Mustapha sementara pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya, Raja Rozela Raja Toran dan Noor Ezwanee Mohamad.

UM-3/6/2008

**BAHRIN MOHD. NOR**  
Pegawai Penyiasat  
Kanan

Sementara dua peguam bela, Mohd. Ilyas Mohd. Noor dan Zainal Abidin Mus-taffa mewakili Nik Sapeia.

Bahrin yang juga saksi terakhir pendakwa turut mengakui beliau tidak menjalankan siasatan ke atas kenderaan pacuan empat roda jenis Mitsubishi Pajero yang dinaiki oleh Dr. Mahathir untuk mengesan alat penyembur yang digunakan dalam kejadian berkenaan.

## Diasak

"Saya hanya menjalankan siasatan di kawasan tempat kejadian iaitu pintu masuk utama lapangan terbang," katanya.

Selepas itu Bahrin diasak bertubi-tubi oleh Zainal Abidin dalam pemeriksaan balas dengan soalan berkisar dengan alat penyembur yang digunakan dalam kejadian tersebut.

Zainal Abidin: "Setuju atau tidak, awak tidak mempunyai bukti bahawa pelanggan saya (Datuk Nik Sapeia) menggunakan alat penyembur dalam kejadian ini?"

Bahrin: "Saya ada bukti."

Zainal Abidin: "Tunjukkan kepada saya di manakah alat penyembur itu?"

Bahrin: "Saya tidak faham."

Keadaan menjadi agak tegang apabila Bahrin tidak memberikan jawapan yang tepat walaupun Zainal Abidin mengulangnya sekali lagi dengan nada tinggi sehingga menyebabkan Raja Rozela bangun membantah dengan memberi alasan soalan itu tidak relevan.

Bagaimanapun Azman tidak membenarkan bantahan itu kerana saksi telah mengakui bahawa dia mempunyai bukti tertuduh menggunakan alat penyembur dalam kejadian berkenaan. Bahrin kemudian mengakui beliau tidak mempunyai alat penyembur terbabit.

Dalam pada itu, Bahrin turut mengakui hanya seorang daripada empat mangsa mempunyai laporan kesihatan selepas kejadian itu.

Beliau bersetuju laporan kesihatan Datuk Ibrahim Ali mengesahkan mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan.

Azman kemudian menangguhkan perbicaraan dan menetapkan esok untuk pengumuman hujah serta keputusan sama ada tertuduh perlu dipanggil bagi membela diri atau dibebaskan.